

## Elements of Interaction in Self and Human Beings Based on the Qur'an in the Learning of 21st Century Islamic Education

### Elemen Interaksi Dalam Diri Dan Sesama Manusia Berasaskan Al-Quran Dalam Pembelajaran Abad Ke-21 Pendidikan Islam

Wan Mariana Wan Mohamad<sup>a\*</sup>, Kamarul Shukri Mat Teh<sup>a</sup>, Wan Ali Akbar Wan Abdullah<sup>b</sup>

<sup>a</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300, Terengganu, Malaysia

<sup>b</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Corresponding author: sl2799@putra.unisza.edu.my

**Article history:** Received: 5 August 2020 Received in revised form: 03 March 2021 Accepted: 03 March 2021 Published online: 30 April 2021

#### Abstract

This study aims to identify the expert consensus on the items for the elements of interaction in self and human beings for communication skills in 21st Century Learning (PAK21) Islamic Education. This study uses the Fuzzy Delphi Method (FDM) application in the process of designing and developing the Islamic Education PAK21 Model based on the analysis of Quranic content. The data were collected using a questionnaire instrument that was given to 11 experts in the field of Tafsir al-Quran and Islamic Education who have served for more than 10 years. The findings of the study show that all 12 items of interaction in self and fellow human beings have been approved by experts. The items meet the acceptance conditions with the threshold value ( $d$ ) is less than 0.2, the percentage of expert agreement is more than 75% and the value of defuzzification is more than 0.5. Implications of the study led to the formation of Model of Interaction Elements in Self and Human Beings for Communication Skills PAK21 Islamic Education.

**Keywords:** Communication skills, interaction in self, fellow human beings' interaction, 21<sup>st</sup> century learning and Islamic education

#### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti konsensus pakar terhadap item-item bagi elemen interaksi dalam diri dan interaksi sesama manusia bagi kemahiran komunikasi dalam Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) Pendidikan Islam. Kajian ini menggunakan aplikasi Fuzzy Delphi Method (FDM) dalam proses mereka bentuk dan membangunkan Model PAK21 Pendidikan Islam yang berasaskan analisis kandungan al-Quran. Data kajian dikumpulkan dengan menggunakan instrumen soal selidik yang telah diberikan kepada 11 orang pakar dalam bidang Tafsir al-Quran dan Pendidikan Islam yang telah berkhidmat melebihi 10 tahun. Dapatan kajian menunjukkan kesemua 12 item interaksi dalam diri dan sesama manusia telah dipersetujui oleh pakar. Item-item tersebut menepati syarat penerimaan dengan nilai threshold ( $d$ ) adalah kurang daripada 0.2, peratus kesepakatan pakar adalah melebihi 75% dan nilai defuzzification adalah melebihi 0.5. Implikasi kajian membawa kepada pembentukan Model Elemen Interaksi Dalam Diri dan Sesama Manusia bagi Kemahiran Komunikasi PAK21 Pendidikan Islam.

**Kata kunci:** Kemahiran komunikasi, interaksi dalam diri, interaksi sesama manusia, PAK21 dan pendidikan Islam

© 2021 Penerbit UTM Press. All rights reserved

#### 1.0 PENGENALAN

Pembelajaran murid di abad ke-21 menuntut kepada kemahiran komunikasi yang berkesan dalam usaha menjayakan pendidikan seiring dengan zaman terkini (Aliff Nawi, Gamal Abdul Nasir Zakaria, & Norkhairiah Hashim, 2020; Bower & Vlachopoulos, 2018; Garba, Byabazaire, & Busthami, 2015; Hall, 2018; Mahanal, 2014; Muhammad Insan, 2020; Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, 2018). Penekanan terhadap kemahiran komunikasi ini lebih ketara dalam konteks pendidikan menengah di Malaysia, apabila Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2017 yang memberi penekanan kepada pengajaran berpusatkan murid (Badrul Hisham & Mohd Nasruddin, 2016; Mazarul Hasan, Maizura Komari, & Norazimah, 2020; Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2016; W.A. Wan Ismail, W.I. Muhammad, M.A. Lubis, & M.I. Hamzah, 2016; YM Raja Abdullah & Daud, 2018) dan pelaksanaannya menjadi penanda aras kepada keberkesanan pendidikan abad ke-21 (Nurzarina dan Roslinda, 2017). Usaha murni KPM ini telah membuktikan komitmen kerajaan dalam melahirkan murid-murid yang

mempunyai pelbagai kemahiran abad ke-21 sebagai persediaan melahirkan modal insan dan tenaga kerja abad ke-21 yang boleh menyumbang kepada pencapaian negara dalam pelbagai aspek.

Kemahiran komunikasi ini turut diambil cakna oleh guru-guru Pendidikan Islam (GPI) bagi mewujudkan interaksi antara guru dan murid, murid sesama murid dan murid dengan bahan, sama ada secara lisan mahupun bukan lisan ketika proses penyampaian ilmu dan perkongsian pengetahuan untuk menjayakan pembelajaran murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Hal ini adalah kerana proses pembelajaran bermula dengan komunikasi yang merupakan kemahiran terpenting dalam membantu murid memperoleh pengetahuan dan kejayaan pembelajaran mereka (Rotherham & Willingham, 2009; Saavedra & Darleen Opfer, 2012; Szewkis et al., 2011).

## ■2.0 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DALAM PAK-21

Seiring dengan perkembangan strategi pembelajaran di abad ke-21 ini, pendekatan komunikasi secara digital telah mula digunakan secara meluas. Para guru dituntut mengajar murid kaedah menggunakan teknologi sebagai alat untuk menyelidik, menilai dan menyampaikan maklumat serta memproses maklumat untuk diguna pakai sebagai salah satu elemen untuk memajukan diri. Penggunaan teknologi digital dalam pengajaran, pembelajaran dan penilaian merupakan satu langkah yang bijak dan menarik kerana ia dapat memudahkan proses pembelajaran dan dapat merangsang kemahiran pemikiran mereka kepada pemikiran yang lebih kritis (Hall, 2018; Kivunja, 2015; Trilling & Fadel, 2009). Namun demikian, kemahiran abad ke-21 tidak semestinya disokong oleh ICT semata-mata. Bahkan ia turut melibatkan kemahiran-kemahiran teras yang lain seperti teknikal, pengurusan maklumat, komunikasi, kolaborasi, kreativiti, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran kontekstual iaitu kesedaran etika, budaya kesedaran, fleksibiliti, arahan sendiri dan pembelajaran sepanjang hayat (Van Laar, J.A.M. Van Deursen, Van Dijk, & De Haan, 2017).

Hal ini menjadikan komunikasi pembelajaran tidak terhad di dalam kelas, tetapi boleh juga berlaku di luar kelas dan di mana-mana sahaja. Guru-guru dapat membantu murid memperoleh maklumat melalui pembelajaran kemahiran literasi maklumat dengan mengajar mereka kaedah untuk mengakses dan menilai maklumat, menguruskan aliran maklumat dan menggunakan maklumat dengan tepat. Oleh itu, seiring dengan penguasaan komunikasi dalam kalangan murid, guru juga perlu menguasainya (Voogt, Erstad, Dede, & Mishra, 2013). Oleh sebab itulah, guru kini lebih berfungsi sebagai 'invited professors' di dalam kelas untuk menyokong pembelajaran murid, sebagai 'learning coaches' untuk memberi bimbingan kepada murid membangunkan kemahiran mereka, sebagai 'facilitators and enablers of learning' untuk menggalakkan kekreatifan murid memainkan peranan aktif dalam pembelajaran mereka dan sebagai 'dispensers of information and knowledge' untuk memandu murid menapis maklumat benar yang diperoleh semasa proses pembelajaran (Scott, 2015).

## ■3.0 KEMAHIRAN KOMUNIKASI PENDIDIKAN DALAM AL-QURAN

Al-Quran ternyata telah membuktikan bahawa komunikasi merupakan tuntutan penting dalam kehidupan apabila setiap manusia itu telah dianugerahkan oleh Allah S.W.T dengan keistimewaan al-Bayan. Hal ini dijelaskan oleh Allah dalam ayat 1 hingga 4 surah ar-Rahman. Maksud al-Bayan ialah kemampuan untuk berbicara dan mengungkapkan isi hati, pemikiran dan memberi kefahaman kepada orang lain terhadap apa-apa yang difahaminya (al-Zuhaili, 1997). Hasilnya manusia akan berkomunikasi pada setiap detik dan dalam semua keadaan kerana manusia adalah makhluk yang hidup dengan alam sekeliling mereka. Oleh kerana itulah apabila disoroti di dalam al-Quran, terdapat empat elemen penting yang membentuk kemahiran komunikasi seseorang yang boleh diaplikasikan oleh para guru dalam mendidik anak-anak murid mereka, iaitu interaksi dengan Allah, interaksi dalam diri, interaksi sesama manusia dan interaksi dengan alam.

Interaksi dengan Allah merupakan elemen terpenting dalam kemahiran komunikasi yang perlu diterapkan dalam diri murid. Latihan didikan guru secara berterusan agar murid sentiasa berinteraksi dengan Allah boleh dilakukan melalui ibadat solat (al-Baqarah, 2:186), membaca al-Quran (al-'Ankabut, 29:45) dan berzikir (al-'Araf, 7:23; al-Anbiya', 21:87). Latihan secara berulang kali melalui bimbingan guru merupakan pembelajaran berpusatkan murid yang dapat memberi kesan positif kepada mereka. Sebagaimana pendapat Imam Ghazali, aktiviti-aktiviti ini akan dapat mengikat hati seseorang untuk mentaati Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya (Mardzelah, Mohamad Fadhli, & Mohd. Aderi, 2014). Perkara ini juga bertepatan dengan teori konstruktivisme yang mencadangkan agar murid sentiasa dibantu dan dibimbing dalam pembelajaran mereka supaya mereka memperoleh pengalaman langsung dan bermakna yang dapat menjayakan proses pembelajaran mereka (Fosnot & Perry, 2005). Malah, komunikasi dalam bentuk berinteraksi dalam diri sendiri juga diberi penekanan oleh Allah S.W.T seperti melalui amalan muhasabah diri (Ali-Imran, 3:142) dan muraqabah iaitu merasakan diri sentiasa diawasi oleh Allah S.W.T (al-Nisa', 4:1).

Menerusi al-Quran, kemahiran komunikasi berkesan sesama manusia turut dikemukakan oleh Allah S.W.T sebagai panduan untuk manusia bersosial dengan baik. Contohnya Allah S.W.T mengarahkan manusia melalui berdakwah secara lemah lembut, walaupun ketika berhadapan dengan musuh (Taha, 20:44), bertutur dengan penuh kasih sayang (al-Shaffat, 37:102), mengawal intonasi ketika berkomunikasi iaitu dengan merendahkan suara (Luqman, 31:19) serta gunakan perkataan yang terbaik (al-Isra', 17:53). Dari sudut konten komunikasi pula, Allah mengarahkan agar berkomunikasi dengan perkataan yang benar (al-Ahzab, 33:70), sentiasa memberi galakan supaya berbuat kebaikan (al-Baqarah, 33:70) dan menceritakan kisah-kisah umat lampau sebagai pengajaran (Yusuf, 12:111).

Kesimpulannya, walaupun melalui analisis kandungan ayat-ayat suci al-Quran yang berkaitan dengan kemahiran komunikasi dalam PAK21 ini adalah merujuk kepada aktiviti-aktiviti interaksi sosial yang merangkumi interaksi dengan Allah S.W.T, interaksi dalam diri, interaksi sesama manusia dan interaksi dengan alam, namun penulisan artikel ini hanya ditumpukan kepada dua elemen sahaja, iaitu interaksi dalam diri dan interaksi sesama manusia. Dapatan mengenai dua elemen lagi, iaitu elemen interaksi dengan Allah dan alam telah dilaporkan dalam artikel berasingan.

#### ■4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk mendapatkan kesepakatan pakar terhadap item-item elemen interaksi dalam diri dan interaksi sesama manusia bagi kemahiran komunikasi guru-guru Pendidikan Islam dalam menjayakan PAK21 berasaskan analisis ayat-ayat al-Quran.

#### ■5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan dua fasa pembentukan elemen soal selidik kajian iaitu melalui analisis kandungan ayat-ayat al-Quran dalam mengenal pasti ayat-ayat yang berkaitan dengan elemen interaksi dalam diri dan interaksi sesama manusia. Setelah melalui proses kesahan instrumen ayat-ayat al-Quran tersebut oleh empat orang pakar Tafsir al-Quran, pengkaji membentuk satu soal selidik dan seterusnya diagihkan kepada 11 orang pakar yang mempunyai kepakaran dalam bidang Pendidikan Islam dan Pengajian al-Quran untuk dianalisis menggunakan Fuzzy Delphi Method (FDM).

Kesepakatan pakar terhadap penerimaan item-item yang membentuk model berdasarkan FDM adalah bersandarkan kepada 3 syarat utama iaitu: i) Nilai threshold (d) mestilah lebih kecil atau sama dengan nilai 0.2 (Chang, Hsu, & Chang, 2011; Cheng & Lin, 2002), ii) Peratusan konsensus pakar mestilah menyamai atau melebihi nilai 75% (Chu & Hwang, 2008; Murry Jr & Hammons, 1995) dan iii) Nilai defuzzification mestilah menyamai 0.5 dan ke atas (Bodjanova, 2006; Tang & Wu, 2010). Nilai defuzzification ini juga dikenali sebagai nilai skor fuzzy. Nilai skor fuzzy ini yang menentukan kedudukan keutamaan item. Semakin tinggi nilai skor fuzzy, semakin tinggi keutamaan item tersebut dalam sesuatu konstruk.

#### ■6.0 KONSENSUS PAKAR TERHADAP ELEMEN INTERAKSI DALAM DIRI DAN SESAMA MANUSIA DALAM KEMAHIRAN KOMUNIKASI PAK21

Barisan panel pakar FDM yang dilantik adalah seramai 11 orang berdasarkan bidang kerja, kelayakan akademik dan bidang kepakaran pakar dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Demografi Pakar yang Terlibat

BIL	PERKARA	MAKLUMAT DEMOGRAFI	JUMLAH	PERATUS (%)
1	Bidang Kerja	Pensyarah IPTA/IPTS	3	27.3
		Pensyarah IPG/Kolej/Politeknik	2	18.2
		Jemaah Nazir	1	9.1
		Pegawai KPM/Penggubal Kurikulum Pendidikan Islam	2	18.2
		Guru Cemerlang Pend Islam	1	9.1
		Jurulatih Utama PAK21/ KSSM Pend Islam	2	18.2
2	Kelayakan Akademik	Ijazah Sarjana Muda	2	18.2
		Ijazah Sarjana	3	27.3
		Ijazah Doktor Falsafah	6	54.5
3	Bidang Kepakaran	Pendidikan Islam	10	90.9
		Pengajian al-Quran	1	9.1
<b>JUMLAH</b>			<b>11</b>	<b>100.0</b>

Kesepakatan pakar adalah tertumpu kepada dua aspek utama yang didapati hasil daripada analisis kandungan ayat-ayat suci al-Quran seperti berikut:

##### 1. Interaksi Dalam Diri

Analisis dapatan item-item berkaitan Interaksi Dalam Diri ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Analisis Dapatan Item-Item Interaksi Dalam Diri

PAKAR	INTERAKSI DALAM DIRI		
	A1	A2	A3
<b>Profesor</b> (PhD Pend Islam)	0.014	0.051	0.028
<b>Profesor Madya</b> (PhD Tafsir al-Quran)	0.014	0.104	0.028
<b>Pensyarah Kanan UA</b> (PhD Pend Islam)	0.014	0.104	0.125
<b>Pensyarah IPG</b> (PhD Pend Islam)	0.014	0.104	0.028
<b>Pensyarah Politeknik</b> (PhD Pend Islam)	0.139	0.051	0.125
<b>Pegawai IPGM</b> (PhD Pend Islam)	0.014	0.291	0.028
<b>Penggubal Kurikulum</b> (Sarjana Pend Islam)	0.014	0.104	0.028
<b>Pegawai Jemaah Nazir</b> (Sarjana P. Islam)	0.014	0.051	0.028
<b>JUK KSSM P. Islam</b> (Sarjana Pend Islam)	0.014	0.051	0.028

JUK PAK21 P. Islam (Sarjana Muda PAI)	0.014	0.104	0.028
Guru Cemerlang (Sarjana Muda PAI)	0.014	0.051	0.028
Nilai <i>Threshold (d)</i> setiap item	<b>0.025</b>	<b>0.097</b>	<b>0.045</b>
Peratus Kesepakatan Pakar Setiap Item	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>
Nilai Defuzzification ( $\alpha - cut$ ) (Average of Fuzzy Number)	<b>0.958</b>	<b>0.897</b>	<b>0.948</b>
*Interpretasi	/	/	/
Kedudukan ( <i>Ranking</i> )	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>2</b>

Nota: \*Interpretasi (/= TERIMA), (X=TOLAK)

Berdasarkan Jadual 2, semua item yang membentuk aspek Interaksi Dalam Diri mempunyai nilai threshold ( $d \leq 0.2$ ), peratus persetujuan keseluruhan pakar sangat baik iaitu 100% dipersetujui dan nilai defuzzification bagi setiap item melebihi nilai  $\alpha$ -cut = 0.5. Ini bermakna item-item tersebut telah mendapat kesepakatan dari semua pakar. Item-item ini disusun mengikut keutamaan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3** Susunan Item Interaksi Dalam Diri Mengikut Keutamaan

SUSUNAN MENGIKUT KEUTAMAAN	ITEM (KOD)	BIL. SURAH & AYAT
1	Mendidik murid <b>sentiasa bermuhasabah untuk menilai diri</b> (A1)	43:80
2	Mendidik murid <b>merasakan diri sentiasa diawasi oleh Allah</b> (A3)	4:1
3	Mendidik murid <b>menempelak diri setelah melakukan dosa</b> (A2)	7:23

## 2. Interaksi Sesama Manusia

Analisis dapatan item-item berkaitan Interaksi Dalam Diri ditunjukkan dalam Jadual 4.

**Jadual 4** Analisis Dapatan Item-Item Interaksi Sesama Manusia

PAKAR	INTERAKSI SESAMA MANUSIA								
	B1	B2	B3	B4	B5	B6	B7	B8	B9
Profesor (PhD Pend Islam)	0.014	0.028	0.090	0.083	0.076	0.063	0.069	0.133	0.049
Profesor Madya (PhD Tafsir al-Quran)	0.014	0.028	0.090	0.083	0.076	0.063	0.069	0.133	0.049
Pensyarah Kanan UA (PhD Pend Islam)	0.014	0.125	0.304	0.083	0.317	0.330	0.083	0.259	0.106
Pensyarah IPG (PhD Pend Islam)	0.014	0.028	0.064	0.069	0.076	0.063	0.083	0.133	0.049
Pensyarah Politeknik (PhD Pend Islam)	0.139	0.125	0.064	0.069	0.078	0.063	0.083	0.259	0.049
Pegawai IPGM (PhD Pend Islam)	0.014	0.028	0.090	0.069	0.078	0.092	0.083	0.259	0.343
Penggubal Kurikulum (Sarjana Pend Islam)	0.014	0.028	0.064	0.069	0.076	0.063	0.069	0.133	0.049
Pegawai Jemaah Nazir (Sarjana Pend Islam)	0.014	0.028	0.064	0.069	0.076	0.063	0.069	0.042	0.049
JUK KSSM P. Islam (Sarjana Pend Islam)	0.014	0.028	0.090	0.083	0.076	0.063	0.069	0.133	0.049
JUK PAK21 P. Islam (Sarjana Muda PAI)	0.014	0.028	0.090	0.083	0.076	0.063	0.069	0.133	0.049
Guru Cemerlang (Sarjana Muda PAI)	0.014	0.028	0.090	0.069	0.078	0.092	0.083	0.042	0.049
Nilai <i>Threshold (d)</i> setiap item	<b>0.025</b>	<b>0.045</b>	<b>0.100</b>	<b>0.076</b>	<b>0.099</b>	<b>0.092</b>	<b>0.076</b>	<b>0.151</b>	<b>0.081</b>
Peratus Kesepakatan Pakar Setiap Item	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>91%</b>	<b>100%</b>	<b>91%</b>	<b>91%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>91%</b>
Nilai <i>Defuzzification</i> (Alpha-cut)	<b>0.958</b>	<b>0.948</b>	<b>0.906</b>	<b>0.912</b>	<b>0.915</b>	<b>0.924</b>	<b>0.921</b>	<b>0.876</b>	<b>0.933</b>
Kedudukan ( <i>Ranking</i> )	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>8</b>	<b>7</b>	<b>6</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>9</b>	<b>3</b>

Nota: \*Interpretasi (/= TERIMA), (X=TOLAK)

Berdasarkan Jadual 4, semua item yang membentuk aspek Interaksi Sesama Manusia mempunyai nilai threshold ( $d \leq 0.2$ ), peratus persetujuan keseluruhan pakar berada pada tahap peratus persetujuan yang melebihi nilai 75% dan nilai defuzzification bagi setiap item melebihi nilai  $\alpha$ -cut = 0.5. Ini jelas menunjukkan item-item tersebut telah mendapat kesepakatan dari semua pakar. Item-item ini disusun mengikut keutamaan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5 Susunan Item Interaksi Sesama Manusia Mengikut Keutamaan

SUSUNAN MENGIKUT KEUTAMAAN	ITEM (KOD)	BIL. SURAH & AYAT
1	Melatih murid <b>memulakan ucapan dengan salam</b> (B1)	11:69
2	Mendidik murid <b>menyeru orang lain kepada mentauhidkan Allah</b> (B2)	41:33
3	Membiasakan murid <b>menulis ilmu yang dibicarakan oleh guru</b> (B9)	20:52
4	<b>Mengulangi bicara penting</b> kepada murid sebagai pengukuhan (B6)	6:105
5	Melatih murid <b>berbicara dengan perkataan yang terbaik</b> (B7)	17:53
6	<b>Memberi pujian sanjungan kepada murid</b> sebagai motivasi (B5)	17:70
7	Mendidik murid <b>menyandarkan sesuatu perkara kepada iradat Allah</b> dalam berkomunikasi (B4)	20:25-28
8	Membimbing murid <b>mewujudkan suasana perbincangan yang harmoni</b> (B3)	16:125
9	<b>Membacakan ilmu</b> kepada murid secara perlahan dan bertahap (B8)	17:106

Secara keseluruhannya sebanyak 12 item berkaitan kemahiran komunikasi meliputi elemen interaksi dalam diri dan interaksi sesama manusia telah mendapat konsensus pakar untuk diterima.


## 7.0 RUMUSAN KONSENSUS PAKAR TERHADAP ITEM

Semua 12 item berkaitan elemen interaksi dalam diri dan sesama manusia telah mendapat kesepakatan pakar dalam membentuk Model PAK21 Pendidikan Islam berasaskan analisis kandungan al-Quran. Item-item yang telah dipersetujui oleh pakar-pakar ini telah disusun mengikut keutamaan dalam Jadual 6 berpandukan kepada nilai defuzzification. Nilai defuzzification ini disusun mengikut urutan daripada aspek yang mempunyai nilai defuzzification tertinggi kepada aspek yang mempunyai nilai defuzzification yang terendah. Begitu juga dengan setiap item di dalam setiap aspek disusun mengikut urutan berdasarkan nilai defuzzification tertinggi kepada item yang mempunyai nilai defuzzification yang terendah untuk menunjukkan keutamaan kesepakatan pandangan pakar.

Jadual 6 Susunan keutamaan empat aspek komunikasi berdasarkan nilai defuzzification

ELEMEN KEMAHIRAN KOMUNIKASI		NILAI Defuzzification	Nilai Threshold (d)	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar
<b>INTERAKSI DALAM DIRI</b>		<b>0.934</b>	<b>0.056</b>	<b>100%</b>
1	Mendidik murid <b>sentiasa bermuhasabah untuk menilai diri</b>	0.958	0.025	100%
2	Mendidik murid <b>merasakan diri sentiasa diawasi oleh Allah</b>	0.948	0.045	100%
3	Mendidik murid <b>menempelak diri setelah melakukan dosa</b>	0.897	0.097	100%
<b>INTERAKSI SESAMA MANUSIA</b>		<b>0.921</b>	<b>0.085</b>	<b>96%</b>
1	Melatih murid <b>memulakan ucapan dengan salam</b>	0.958	0.025	100%
2	Mendidik murid <b>menyeru orang lain kepada mentauhidkan Allah</b>	0.948	0.045	100%
3	Membiasakan murid <b>menulis ilmu yang dibicarakan oleh guru</b>	0.933	0.081	91%
4	Melatih murid <b>berbicara dengan perkataan yang terbaik</b>	0.924	0.092	91%
5	<b>Mengulangi bicara penting</b> kepada murid sebagai pengukuhan	0.921	0.076	100%
6	Membimbing murid <b>mewujudkan suasana perbincangan yang harmoni</b>	0.915	0.099	91%
7	<b>Memberi pujian sanjungan kepada murid</b> sebagai motivasi	0.912	0.076	100%
8	Mendidik murid <b>menyandarkan sesuatu perkara kepada iradat Allah</b> dalam berkomunikasi	0.906	0.100	91%
9	<b>Membacakan ilmu</b> kepada murid secara perlahan dan bertahap	0.876	0.151	100%

Konsensus ini telah berjaya membentuk Model Elemen Interaksi Dalam Diri dan Interaksi Sesama Manusia dalam kemahiran komunikasi bagi PAK21 Pendidikan Islam seperti pada Rajah 1.



Rajah 1 Model Elemen Interaksi Dalam Diri dan Sesama Manusia dalam Kemahiran Komunikasi PAK21 Pendidikan Islam

## ■ 8.0 PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Kemahiran komunikasi yang dipandu oleh Allah S.W.T ini akan terhasil dengan sebaiknya apabila wujudnya interaksi dalam diri dan interaksi sesama manusia sebagaimana perbincangan berikut:

### 1. Interaksi dalam diri

Dalam aspek interaksi dengan diri sendiri, kesepakatan pakar dapat dilihat pada item mendidik murid agar sentiasa bermuhasabah untuk menilai diri sebagai item paling utama dan diikuti oleh item mendidik murid agar merasakan diri sentiasa diawasi oleh Allah, iaitu muraqabah. Muhasabah dan muraqabah ini merupakan cara pendidikan yang telah dikemukakan oleh Imam al-Ghazali sebagai jalan untuk menyucikan jiwa dari segala kekotoran agar hati sentiasa mempunyai ikatan janji harian terhadap diri sendiri supaya ikhlas dalam ketaatan, taubat apabila melakukan maksiat dan menjaga adab ketika dalam kehidupan (Sa'id Hawa, 2017). Perkara ini bertepatan dengan persetujuan pakar apabila item mendidik murid menempelak diri setelah melakukan dosa juga termasuk dalam aspek interaksi dengan diri sendiri sebagaimana ucapan taubat Nabi Adam A.S (al-'Araaf, 7:23) dan lafaz taubat Nabi Yunus A.S (al-Anbiya', 21:87) yang dipaparkan oleh Allah S.W.T di dalam al-Quran untuk dicontohi.

### 2. Interaksi sesama manusia

Berdasarkan hasil analisis dapatan, didapati item melatih murid memulakan ucapan dengan salam menjadi keutamaan dalam konteks interaksi sesama manusia. Hal ini melambangkan kepentingan memberi salam dan menjawab salam dalam kehidupan pendidikan seseorang murid. Interaksi sesama manusia iaitu hubungan sosial dengan guru dan sesama rakan amat perlu dititikberatkan dalam menjayakan proses pembelajaran mereka kerana mereka adalah kelompok utama yang menyokong persekitaran pembelajaran. Lebih-lebih lagi apabila ucapan itu mengandungi unsur ketauhidan kepada Allah S.W.T melalui doa kesejahteraan dengan nama Allah S.W.T. Ucapan ini adalah ucapan yang sangat baik dan penuh keberkatan (al-Nur, 24:61), gaya komunikasi para malaikat (Hud, 11:69; al-Hijr, 15:52), ucapan penghormatan kepada para nabi dan rasul (al-Shaffat, 37:79; 109; 120; 130; 181), gaya komunikasi orang-orang beriman (al-Nur, 24:27; al-Ahzab, 33:56) dan ucapan penghormatan kepada para penghuni syurga (al-Ahzab, 33:44; Yasin, 36:58; al-Zumar, 39:73). Latihan kemahiran yang bersandarkan kepada Allah S.W.T ini menjadi keunikan utama dalam aspek komunikasi PAK21 Pendidikan Islam.

Di samping itu, membiasakan murid menulis ilmu yang dibicarakan oleh guru juga boleh mengembangkan kemahiran PAK21 murid-murid. Hasil penelitian terkini menunjukkan bahawa kebanyakan murid telah dapat mempraktikkan dengan baik kemahiran PAK21 melalui tugas-tugas penulisan kreatif (Pentury, Anggraeni, & Pratama, 2020). Dalam konteks ini, kesan daripada komunikasi berkesan guru boleh menyumbang kepada kemahiran menulis murid. Kepentingan pencatatan ilmu agar tidak lupa dapat dilihat apabila Rasulullah S.A.W meminta khutbah yang baginda sampaikan ketika haji dicatat untuk Abu Syah. Baginda S.A.W juga berpesan "Ikatlah ilmu dengan menulisnya" (al-Zuhaili, 1997). Selain itu, mengulangi bicara penting kepada murid sebagai pengukuhan perlu dipraktikkan untuk menyuburkan kemahiran komunikasi sesama individu yang lain. Strategi pengulangan perkataan di dalam komunikasi ini digunakan oleh Allah S.W.T adalah sebagai penegasan ke atas apa yang ingin diutarakan dan juga sebagai peringatan untuk manusia (al-Zuhaili, 1997).

Di samping itu, keperluan guru untuk melatih murid berbicara dengan perkataan yang terbaik juga penting. Perkataan terbaik yang dimaksudkan ialah bercakap dengan lemah lembut (Taha, 20:44), tidak berkasar dan tidak disertai dengan cacian (al-Isra', 17:53; al-Hujurat, 49:11). Ini adalah kerana pendekatan ini lebih memberi kesan pada jiwa untuk diamalkan (al-Nisa', 4:63; al-Zuhaili, 1997; Ibnu Katsir, 2008). Oleh kerana itu, dalam usaha guru-guru memupuk kemahiran komunikasi murid antara amalan yang boleh diamalkan ialah mengucapkan bicara dengan penuh kasih sayang (al-Shaffat, 37:102), menuturkan perkataan yang benar (al-Ahzab, 33:70), mengawal intonasi suara dengan merendahkan suara (al-Isra', 17: 23; Luqman, 31:19), mengotakan apa-apa yang dikata (al-Saf, 61:3) dan hanya berbicara sesuatu yang menjanjikan pahala (al-Nisa', 4:114).

Bahkan amalan memberi pujian sanjungan kepada murid oleh guru juga boleh menjadi pencetus motivasi kepada orang lain dalam melakukan kebaikan sebagaimana yang dilakukan oleh orang yang dipuji. Sorotan daripada al-Quran, didapati ketika berkomunikasi, Allah memuji hamba-hamba-Nya di dalam al-Quran dengan menggunakan terminologi tertentu bagi memberi semangat dan motivasi. Contohnya Nabi Ayub A.S dipuji sebagai sebaik-baik hamba Allah (نعم العبد) (Sad, 38:44) disebabkan kepatuhan yang tidak berbelah bagi kepada Allah (Rijaluddin et al., 2014) dan juga pujian kepada Nabi Muhammad S.A.W sebagai hamba Allah yang paling mulia (al-Furqan,

25:1; al-Kahfi, 18:1; al-Isra', 17:1; al-Jinn, 72:19) kerana kesempurnaan penyembahan kepada Allah sebagai seorang makhluk dan pemimpin (al-Zuhaili, 1997).

Para pakar turut bersepakat terhadap item guru sewajarnya mendidik murid menyandarkan sesuatu perkara kepada iradat Allah, antaranya melalui penggunaan ucapan *إن شاء الله* (jika Allah menghendaki) seperti yang dilakukan oleh Nabi Syuaib (al-Qashash, 28:27), Nabi Ismail (al-Shaffat, 37:102), Nabi Yusuf (Yusuf, 12:99) dan Nabi Musa (al-Kahfi, 18:69). Penggunaan ucapan *إن شاء الله* merupakan adab sopan yang baik dalam komunikasi apabila memperkatakan sesuatu berkaitan diri sendiri lalu dihubungkan dengan kehendak Allah dengan mengharapkan sesuatu perkara itu berlaku dengan iradat Allah SWT (Ibnu Katsir, 2008). Ucapan ini boleh mengundang berkat, taufik dan pertolongan daripada Allah S.W.T (al-Zuhaili, 1997).

Guru juga berperanan dalam membimbing murid mewujudkan suasana perbincangan yang harmoni melalui komunikasi secara berhikmah, secara peringatian yang baik dan berdebat dengan cara yang terbaik (Surah al-Nahl, 16:125). Peranan ini penting dalam mengatur pembelajaran murid-murid melalui pembelajaran kerjasama, iaitu apabila sekumpulan murid berusaha untuk memahami antara satu sama lain dan pembelajaran berlaku melalui perbincangan isi pembelajaran dalam keadaan saling menghargai pendapat masing-masing. Malah komunikasi dalam pendidikan juga boleh berlaku melalui aktiviti guru membacakan ilmu kepada murid secara perlahan dan bertahap sebagaimana Allah S.W.T menurunkan al-Quran kepada Nabi Muhammad S.A.W secara beransur-ansur dan membacakan sedikit demi sedikit kepada para sahabat (al-Isra', 17:106). Hal ini menepati nasihat Imam al-Ghazali kepada para guru supaya mengajar murid mengikut kemampuan mereka (Adibah, Ezad Azraai, & Noorsafuan, 2014). Dalam konteks pendekatan PAK21, pelbagai teknik boleh diaplikasikan menerusi kecanggihan teknologi komunikasi namun yang paling penting adalah pendekatan itu haruslah bersesuaian dengan tahap kognitif murid agar proses pembelajaran itu berlaku dengan mudah.

## ■9.0 PENUTUP

Sumbangan utama kajian ini jelas menunjukkan bahawa elemen interaksi dalam diri dan sesama manusia yang dirumuskan daripada al-Quran dan seterusnya mendapat kesepakatan pakar-pakar dalam pendidikan menerusi teknik Fuzzy Delphi, merupakan elemen terbaik dalam membangunkan kemahiran komunikasi murid-murid khususnya dalam konteks PAK21 Pendidikan Islam di Malaysia. Elemen-elemen ini telah berjaya dibangunkan dengan mengintegrasikan kaedah kualitatif iaitu analisis kandungan al-Quran dan semi-kuantitatif iaitu teknik Fuzzy Delphi. Justeru, hasil dapatan kajian yang dijalankan ini sewajarnya menjadi sumber panduan paling ideal untuk dipraktikkan oleh guru-guru Pendidikan Islam dalam mendidik murid-murid di abad ke-21 ini dan juga di sepanjang zaman.

## Rujukan

- Al-Quran al-Karim.
- Adibah Sulaiman, Ezad Azraai Jamsari, & Noorsafuan Che Noh. (2014). Islamic environment in child development according to the views of Imam Al-Ghazali. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(29), 33–39. <https://doi.org/10.5901/mjss.2014.v5n29p33>
- Aliff Nawi, Gamal Abdul Nasir Zakaria, & Norkhairiah Hashim. (2020). Komunikasi berkesan menerusi Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam Kursus Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(1), 20–40.
- al-Zuhaili, P. D. W. (1997). *al-Tafsir al-Munir fil Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*. Damsyik: Darul Fikr.
- Badrul Hisham Alang Osman, & Mohd Nasruddin Basar. (2016). Amalan pengajaran Dan pembelajaran abad ke- 21 dalam kalangan pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 10, 1–25.
- Bodjanova, S. (2006). Median alpha-levels of a fuzzy number. *Fuzzy Sets and Systems*, 157(7), 879–891.
- Bower, M., & Vlachopoulos, P. (2018). A critical analysis of technology-enhanced learning design frameworks. *British Journal of Educational Technology*, 49(6), 981–997. <https://doi.org/10.1111/bjet.12668>
- Chang, P. L., Hsu, C. W., & Chang, P. C. (2011). Fuzzy Delphi method for evaluating hydrogen production technologies. *International Journal of Hydrogen Energy*, 36(21), 14172–14179. <https://doi.org/10.1016/j.ijhydene.2011.05.045>
- Cheng, C.-H., & Lin, Y. (2002). Evaluating the best main battle tank using fuzzy decision theory. *European Journal of Operational Research*, 142, 174–186. [https://doi.org/10.1016/S0377-2217\(01\)00280-6](https://doi.org/10.1016/S0377-2217(01)00280-6)
- Chu, H.-C., & Hwang, G.-J. (2008). A Delphi-based approach to developing expert systems with the cooperation of multiple experts. *Expert Systems with Applications*, 34(4), 2826–2840.
- Fosnot, C. T., & Perry, R. S. (2005). A Psychological Theory of Learning. In *Constructivism: Theory, Perspectives And Practise*, 8–38. Retrieved from [http://faculty.arts.ubc.ca/emeyers/LIBR535/readings/Fosnot&Perry\\_2005.pdf](http://faculty.arts.ubc.ca/emeyers/LIBR535/readings/Fosnot&Perry_2005.pdf) Retrieved date: 20 April 2019
- Garba, S. A., Byabazaire, Y., & Busthami, A. H. (2015). Toward the use of 21st century teaching-learning approaches: The trend of development in Malaysian schools within the context of Asia Pacific. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*, 10(4), 72–79. <https://doi.org/10.3991/ijet.v10i4.4717>
- Hall, C. D. (2018). *Evaluating the depth of the integration of 21st century skills in a technology-rich learning environment*. College of Saint Elizabeth.
- Ibnu Katsir. (2008). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Pendidikan Islam: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 3*. Putrajaya.
- Kivunja, C. (2015). Teaching students to learn and to work well with 21st century skills: Unpacking the career and life skills domain of the new learning paradigm. *International Journal of Higher Education*, 4(1), 1–11.
- Mahanal, S. (2014). Peran guru dalam melahirkan generasi emas dengan keterampilan abad 21. *Seminar Nasional Pendidikan HMPS Pendidikan Biologi FKIP Universitas Halu Oleo*, (September), 1–16.
- Mardzelah Makhsin, Mohamad Fadhli Ilias, & Mohd. Aderi Che Noh. (2014). Amalan Hisbah Kendiri dalam Pendidikan Islam: Kajian terhadap murid-murid sekolah menengah di Kedah. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(1), 25–37. <https://doi.org/10.1139/z68-097>
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Maizura Komari, & Norazimah Zakaria. (2020). Kesiediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(2), 9–17.
- Mohd Syaubari Othman, & Ahmad Yunus Kassim. (2016). Keberkesanan permulaan pengajaran menerusi amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah negeri Perak. *Online Journal Of Islamic Education*, 4(2), 23–35.
- Muhammad Insan Jauhari. (2020). Konsep pendidikan Ibnu Khaldun dan relevansinya terhadap pendidikan di era moden. *Jurnal Komunikasi Dan Pendidikan Islam*, 9(1, Juni), 187–210.
- Murry Jr, J. W., & Hammons, J. O. (1995). Delphi: A versatile methodology for conducting qualitative research. *The Review of Higher Education*, 18(4), 423–436.
- Nurzarina Amran, & Roslina Rosli. (2017). Kefahaman Guru tentang Kemahiran Abad ke-21. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. Jil.1. Selangor: Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*. 26-27 April 2017. <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/pendidikan/09-Nurzarina-Amran-UKM.pdf>
- Pentury, H. J., Anggraeni, A. D., & Pratama, D. (2020). Improving student' 21 st century skills through creative writing as a creative media. *Deiksis*, 12(02), 164–178. <https://doi.org/10.30998/deiksis.v12i02.5184>

- Rijaluddin Yahya et al. (2014). *Tafsir Maudhu'iy (Akhlak)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rotherham, A. J., & Willingham, D. (2009). 21st century. *Educational Leadership*, 67(1), 16–21.
- Saavedra, A. R., & Darleen Opfer, V. (2012). Learning 21st-century skills requires 21st-century teaching. *Phi Delta Kappan*. <https://doi.org/10.1177/003172171209400203>
- Syafiqah Solehah Ahmad, & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2018). Personaliti guru Pendidikan Islam dan kesannya terhadap akhlak pelajar: Satu tinjauan awal di sekolah menengah Daerah Marang, Terengganu. *International Journal of Education, Psychology and Counseling EISSN*., 3(14), 59–75.
- Szewkis, E., Nussbaum, M., Rosen, T., Abalos, J., Denardin, F., Caballero, D. Alcoholado, C. (2011). Collaboration within large groups in the classroom. *Computer-Supported Collaborative Learning*, 6, 561–575. <https://doi.org/10.1007/s11412-011-9123-y>
- Tang, C.-W., & Wu, C.-T. (2010). Obtaining a picture of undergraduate education quality: a voice from inside the university. *Higher Education*, 60(3), 269–286.
- Trilling, B., & Fadel, C. (2009). *21st Century Skills: Learning for life in our times*. United States: John Wiley & Sons Inc.
- Van Laar, E., J.A.M. Van Deursen, A., Van Dijk, J. A. G. M., & De Haan, J. (2017). The relation between 21st-century skills and digital skills: A systematic literature review. *Computers in Human Behavior*, 72, 577–588. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2017.03.010>
- Voogt, J., Erstad, O., Dede, C., & Mishra, P. (2013). Challenges to learning and schooling in the digital networked world of the 21st century. *Journal of Computer Assisted Learning*, 29(5), 403–413.
- W.A. Wan Ismail, W.I. Muhammad, M.A. Lubis, & M.I. Hamzah. (2016). Kesediaan guru Pendidikan Islam sekolah rendah di Selangor terhadap penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. *Journal of Advanced Research in Applied Sciences and Engineering Technology*, 3(1), 79–92.
- YM Raja Abdullah Raja Ismail, & Daud Ismail. (2018). Aplikasi “Konsep 4C” Pembelajaran Abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato’ Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)*, 1(1), 45–65.